

EGM MCA: Masih ada tandatanya besar

MalaysiaKini.com

Feb 21, 2014

Mesyuarat Agung Luar Biasa MCA yang akan berlangsung Ahad ini (23 Februari) berkemungkinan meluluskan usul membenarkan pemimpin parti menerima jawatan kerajaan termasuk pelantikan menteri.

Bagaimanapun, tandatanya besar ialah isu berapa banyak jawatan menteri untuk MCA dan bagaimana pucuk pimpinan parti mahu membahagikannya.

"Kami akan memutuskan perkara ini selepas 23 Februari. Kami akan hanya mengemukakan permintaan kami selepas EGM meluluskan usul ini.

"Bagaimana kami hendak meminta jawatan sedangkan EGM belum memutuskan perkara ini? " kata ahli Jawatankuasa Pusat MCA, Chew Koh Woh.

Menurutnya, badan pembuat keputusan parti iaitu Jawatankuasa Pusat serta Majlis Presiden akan hanya membincangkan soal jumlah itu sekiranya EGM yang dijadualkan Ahad ini meluluskan usul berkenaan.

Bagaimanapun, anggota parti, pemerhati politik dan pihak media telah pun membuat spekulasi bahawa MCA bercadang meminta tiga jawatan menteri dan empat jawatan timbalan menteri.

Ini berdasarkan hakikat MIC diberi dua jawatan menteri dan dua jawatan timbalan menteri sedangkan parti itu hanya memenangi empat kerusi Parlimen dan lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum 13 (PRU13) yang lepas.

Pada masa ini hanya terdapat satu kekosongan jawatan menteri (Menteri Pengangkutan) dan tiga jawatan timbalan menteri iaitu pelancongan, jabatan perdana menteri dan kewangan yang dikhaskan untuk MCA.

Sekiranya MCA mendapat tiga jawatan menteri, jawatan-jawatan itu mungkin diberikan kepada Presiden parti, Datuk Seri Liow Tiong Lai, timbalan presiden Datuk Wee Ka Siong dan setiausaha agung Datuk Seri Ong Ka Chuan.

Empat naib presiden Datuk Dr Hou Kok Chung, Datuk Lee Chee Leong, Datin Paduka Chew Mei Fun dan Datuk Wee Jeck Seng berkemungkinan dicalonkan untuk jawatan timbalan menteri.

Dalam barisan kabinet yang lepas, MCA mempunyai empat menteri dan dua timbalan menteri.

Bagaimanapun, parti itu hanya memenangi tujuh kerusi Parlimen dan 11 kerusi ADUN daripada 37 kerusi Parlimen dan 90 kerusi ADUN yang ditandinginya pada PRU 13, justeru, ia dipanggil "parti 7-11".

Penganalisis politik berpandangan sukar untuk MCA mendapat tiga jawatan menteri dan empat jawatan timbalan menteri berdasarkan komposisi kabinet sekarang iaitu 35 menteri dengan 26 timbalan menteri yang dilihat sudah terlalu ramai berbanding sebelumnya.

"Saya tidak fikir mereka mahu menambah jumlah yang ada dalam mereka bercakap mahu mengurangkan kos. Jika ini berlaku, ia akan menimbulkan tanggapan yang salah," kata penganalisis politik yang berpangkalan di Pulau Pinang, Datuk Cheah See Kian.

Jika MCA meminta jawatan untuk lebih daripada seorang menteri dan seorang timbalan menteri, ini mungkin tidak diterima baik oleh parti komponen BN yang lain terutama dari Sabah dan Sarawak.

Sebagai contoh, Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) tidak mendapat sebarang jawatan menteri di peringkat persekutuan berbanding sebelumnya.

Sebaliknya, timbalan presiden parti, Datuk Seri Tiong King Sing dilantik sebagai wakil khas ke Asia Timur.

Meskipun mereka tidak mahu membuat komen terbuka tetapi mesej mereka jelas.

"Kami pulangkan kepada kebijaksanaan perdana menteri. Kami tidak meminta apa-apa. Kami hanya mahu apa yang kami pernah ada sebelum ini. Kami bertanding empat kerusi dan menang 100 peratus," kata timbalan setiausaha agung SPDP, Paul Igai.

Sementara itu, Parti Rakyat Sarawak (PRS) juga meminta tambahan jawatan menteri.

"Kami diberi enam dan menang kesemuanya untuk BN di Parlimen. Itu sahaja yang saya mahu katakan. Mengenai MCA, saya tidak ada sebarang komen," kata setiausaha agung PRS, Datuk Wilfred Nissom.

Sekiranya MCA gagal untuk mendapatkan jawatan yang mencukupi, ini akan meletakkan presiden parti, Datuk Seri Liow Tiong Lai dalam keadaan yang serba-salah.

"Jika mereka mendapat tiga, senanglah untuk Liow memberikannya kepada timbalannya Wee dan setiausaha agung Ka Chuan. Jika dapat dua, Liow perlu memilih antara Wee dan Ong. Sama juga jika mereka hanya diberi satu jawatan timbalan menteri.

"Bolehkah Wee menerima jawatan timbalan menteri lagi setelah menyandang jawatan yang sama selama dua penggal? Atau bolehkah Ka Chuan diberi jawatan timbalan menteri sedangkan sebelum ini beliau memegang jawatan menteri perumahan dan kerajaan tempatan?" kata satu sumber dalaman parti.

Apa pun, sama ada MCA akan mendapat satu jawatan menteri(pengangkutan) dan satu timbalan menteri atau diperuntukkan lebih jawatan, soalan ini nampaknya masih belum boleh dijawab.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/255049>